

Dr. M puas hati pencapaian RMK-7

UM 9 APR 2001

Oleh ZUHARI ALI

LANGKAWI 8 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berpuas hati dengan pencapaian Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7) 1995-2000 biarpun usaha membasmi kemiskinan tidak tercapai ekoran kegawatan ekonomi yang terdeteksi pada 1997.

“RMK-7 berjalan dengan baik melainkan semasa kegawatan yang menyebabkan sasaran kita tidak tercapai terutamanya membasmi kemiskinan,” kata Perdana Menteri dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Menurut beliau, kegawatan ekonomi menyebabkan berlakunya peralihan tumpuan kerajaan kepada usaha membendung urus niaga mata wang.

Katanya, apabila ia berjaya dilakukannya, ekonomi negara pula didapati mengalami banyak masalah khususnya yang membabitkan prestasi syarikat merosot.

Dr. Mahathir menjelaskan, kerajaan perlu membantu memulihkan syarikat-syarikat yang bermasalah kerana apa yang berlaku bukan kesilapan mereka sendiri, sebaliknya perbuatan pihak asing yang mahu mencari keuntungan.

“Kita akan teruskan usaha memulihkan syarikat-syarikat yang bermasalah dan cuba sekali lagi bangunkan syarikat baru agar matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN) tercapai,” ujarnya.

Ditanya sama ada peruntukan RMK-7 telah habis digunakan, beliau menjawab: “Ada juga sedikit sebanyak tidak habis, kita telah buat peruntukan tambahan semasa kegawatan ekonomi bagi mengambil peranan swasta yang telah dilemahkan.”

Katanya, ini termasuk menambah peruntukan bagi pelaburan baru untuk menjana semula ekonomi.

Mengenai harapan beliau pada

RMK-8 yang akan dibentangkan tidak lama lagi, Dr. Mahathir berkata, ia akan menjadi kesinambungan pada apa yang tidak tercapai dalam RMK-7 dan merealisasikan matlamat Wawasan 2020.

Tambahnya, kerajaan menerusi RMK-8 juga akan merangka semula pendekatan terbaik khususnya tentang peranan teknologi maklumat selaku faktor penting meningkatkan kemampuan sektor pengeluaran.

Namun katanya, sekali lagi berlaku halangan apabila awal-awal lagi masalah dikesan ekoran kelemahan ekonomi Amerika Syarikat yang turut menjejaskan Malaysia.

“Kita telah mengambil tindakan mengurangkan kesan itu dengan menambahkan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM3 bilion biarpun ia mungkin mempunyai kesan negatif terhadap pertumbuhan ekonomi,” katanya.